

R GB 12-06 00252 BA857

BAH

PENCEMARAN DISEBABKAN PENGGUNAAN BERLEBIHAN OLEH NEGARA KAYA

Bumi - Mahathir

Daripada Kuah Guan Oo

I

RIO DE JANEIRO, 12 Jun (Bernama) -- Yencemaran dan kemerosotan kualiti alam sekitar herpunca daripada penggunaan berlebihan oleh negara maju dan bukan disebabkan bilangan penduduk yang berlebihan di dunia ketiga, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada hari Khamis.

Perdana Menteri berkata, hanya kira-kira 25 peratus daripada penduduk dunia yang kaya tetapi mereka menghasilkan kira-kira 85 peratus sampah sarap dan sisa, manakala 75 peratus rakyat dari negara membangun hanya mengelnarkan 10 peratus sampah sarap dan sisa.

+Sekiranya jumlah penduduk yang berlebihan berlaku di negara maju, ia akan mengakibatkan satu malapetaka... kerana penggunaan yang berlebihan dan jumlah penduduk yang ramai akan mencetuskan tahap pencemaran yang tinggi, + kata Dr Mahathir ketika kepada andaian di Persidangan' Kemuncak Bumi di sini kononnya bumi akan musnah sekiranya negara Selatan tidak membendung kadar pertumbuhan penduduknya.

+Bilangan penduduk tidak penting,+ katanya, sambil menambah kata bahawa hakikatnya ialah penggunaan berlebihan oleh negara kayalah yang menghasilkan sebahagian besar sisa dan pencemaran.

+Walaupun jika anda dapat melenyapkan 75 peratus penduduk di negara membangun, anda hanya dapat mengurangkan antara 10 dan 15 peratus sisa dan pencemaran dunia. Tetapi jika negara-negara Utara dapat mengurangkan sebanyak 25 peratus daripada sisa dan pencemaran mereka tindakan itu akan banyak membantu mengurangkan pencemaran,+katanya.

Perdana Menteri, yang tiba di sini pada hari Khamis, berkata, apabila sebuah negara menjadi kaya, jumlah penduduk dan kadar pertumbuhan penduduknya akan menurun.-- Lagi.

▼12/06/12-54MST

CNS2681

R GB 12'06 00175 BA858

BAH

Bumi - Mahathir 2 Rio de Janeiro

Dr Mahathir juga berkata, kejayaan sidang kemuncak selama -12 hari itu, yang akan berakhir Ahad, akan bergantung kepada apa yang berlaku selepas persidangan, samaada keputusan dan program yang dicapai akan dilaksanakan.

Bagaimanapun, persidang kemuncak itu sendiri telah memperolehi kejayaan kecil kerana dapat mengnmpulkan 120 orang ketua kerajaan dan ketua negara untuk bersama-sama berbincang mengenai alam sekitar dan pembangunan yang berterusan.

Beliau berkata, ketika persidangan dunia mengenai alam sekitar yang pertama diadakan di Stockholm 20 tahun lalu, banyak negara tidak dijemput.

Mengenai tekanan Amerika Syarikat supaya diadakan perjanjian untuk menguruskan hutan, terutama hutan tropika, Dr Mahathir berkata, tidak ada perlunya, diadakan satu perjanj'ian antarabangsa mengenai hutan pada masa ini.

Apa yang diperlukan sekarang ialah mewujudkan prinsip-prinsip bagi +membolehkanki ta menguruskan hutan ki ta secara bebas,+ jelasnya.

+Bagaimanapun, apabila masanya tiba bagi penduduk, (dunia) mahukan kepada satu perjanjian untuk menguruskan hutan maka ketika itu juga perlu ada satu perjanjian untuk mengurangkan pengeluaran gas rumah kaca,+ katanya. -- Lagi.

▼12/06/12-59MST

CNS2686

R GB 12-06 00147 HA859

BAH

Bumi - Mahathir 3 Rio de Janeiro

Katanya, Malaysia tidak akan menandatangani Perjanjian mengenai Cuaca selagi tidak dimasukkan had yang memerlukan sesebuah negara maju mengurangkan pengeluaran gas rumah kaca pada tahun 2000 kepada tahap 1990.

Malaysia, bagaimanapun akan menandatangani perjanjian mengenai Bio Kepelbagaian pada hari Jumaat kerana ia turut memberi manfaat kepada sebahagian daripada kepentingan Malaysia.

Perdana Menteri berkata, beliau kesal dengan pendirian Amerika Syarikat bersabit perjanjian Bio Kepelbagaian itu. Kuasa dunia itu enggan menerima perjanjian itu kerana antara lain gagal memberi perlindungan kepada hak milik intelek syarikat-syarikat negara itu dan akibatnya AS akan kehilangan banyak pekerjaan.

Dr Mahathir berkata; adalah tidak bertanggungjawab bagi negara-negara maju dengan teknologi bionya yang canggih untuk menggunakan bank baka yang terdapat di negara-negara tersebut dan mengisytiharkan barangan itu sebagai hak milik intelek mereka tanpa sebarang faedah kepada negara membangun. --
Lagi.

▼12/06/13-04MST

CNS2688

R GB 12-06 00238 BA860

BAH

Bumi - Mahathir 4 (Akhir) Rio de Janeiro

Mengenai soal pembiayaan, Dr Mahathir mendapati bahawa masih ada negara maju yang belum lagi memenuhi janji untuk menyumbang 0.7 peratus daripada Keluaran Negara Kasar untuk membantu negara-negara miskin mengikut Bantuan Pembangunan Rasmi (ODA).

Katanya, hanya segelintir daripada negara maju yang telah memenuhi sasaran ODA itu.

Mengenai persoalan lebih banyak sumber kewangan dan sumber kewangan baru diperlukan untuk membantu negara membangun melaksanakan agenda 21 iaitu program bertindak selepas Persidangan Kemuncak Rio, ialah isu yang sengit diperbahas dan dirundingkan negara-negara Utara dan Selatan di persidangan kemuncak itu.

Para perwakilan yang bermesyuarat sepanjang malam sehingga awal pagi Khamis menyambung semula rundingan petang ini untuk cuba mencapai kata sepakat mengenainya.

Mereka akan bersama-sama menenterikan masing-masing yang berunding dalam kumpulan terpilih kerana tidak terdapat sebarang mesyuarat formal yang dijadwalkan untuk para menteri berkenaan bagi menyelesaikan masalah itu.

Para pegawai dan menteri-menteri itu berkata, mereka sedia mengadakan rundingan lagi malam Jumaat. Antara perkara yang belum dipersetujui ialah tuntutan negara-negara Selatan agar negara-negara kaya memenuhi janji dan sasaran ODA menjelang tahun 2000 dan sumber persidangan itu berkata mereka sedang mengusahakan satu kompromi dengan negara-negara maju berbua t demikian menjelang 2000 atau tidak lama selepas itu.

Satu lagi 'isu ialah mengenai tuntutan negara-negara utara bagi diadakan satu peruntukan bagi mengadakan satu perjanjian mengenai hutan yang ditolak negara-negara Selatan seperti Malaysia, Indonesia, India dan Brazil. --
Bernama.

▼12/06/13-09MST